



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 29 Oktober 2025

Untuk Terbitan Media
29 Oktober 2025

SIARAN MEDIA

PERKESO-KEIS PERKUKUH KERJASAMA DEPANI POLA BAHARU PEKERJAAN

SEOUL: Pemerkasaan pasaran buruh khususnya dalam kalangan wanita dan warga emas adalah antara aspek kerjasama yang diterokai dengan *Korea Employment Information Service* (KEIS).

Kerjasama rentas agensi dirintis Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ini susulan kejayaan Korea Selatan merancakkan pasaran buruh aktif menerusi keterlibatan golongan rentan, selari tsunami emas yang menyaksikan peralihan demografi penduduk di republik berkenaan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, menyifatkan potensi penambahbaikan hasil kerjasama dengan KEIS mampu direncana dalam Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan rangkaian program berkaitan pasaran buruh seliaan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

“PERKESO dan KEIS akan bekerjasama dalam pertukaran pengetahuan dan dasar pasaran buruh; digitalisasi perkhidmatan pekerjaan awam (PES); pertukaran kepakaran teknikal dan penyelidikan bersama berkaitan dasar pasaran buruh.

“Selain itu, kerjasama kedua-dua organisasi akan terarah kepada penyesuaian terhadap perubahan landskap pasaran serta penyelidikan bersama berkaitan pola pekerjaan baharu,” katanya.

Terdahulu, majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berkenaan disempurnakan antara Dr. Mohammed Azman dan Presiden KEIS, Chang Soo Lee, sambil disaksikan delegasi dari kedua-dua negara. Turut hadir, Ketua Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO, Dato' Asri Ab Rahman.

Perjanjian strategik ini turut menjadi kesinambungan hubungan erat antara PERKESO dan KEIS yang sebelum ini bekerjasama dalam penganjuran Persidangan Serantau Asia Pasifik Persatuan Perkhidmatan Pekerjaan Awam Dunia (WAPES-APRC), Julai tahun lalu.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata Malaysia menerusi PERKESO juga kini dalam proses meminda Akta 800 bagi menyediakan jaringan keselamatan sosial yang lebih komprehensif termasuk memperkenalkan elaun mobiliti.

“Inisiatif ini berupaya membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan menyesuaikan diri dengan

tempat kerja baharu, sekali gus memperkasa fungsi PES dan mekanisme dasar pasaran buruh aktif.

“Rentetan daripada penggubalan Akta 800, Malaysia berupaya mengharungi pelbagai cabaran termasuk pemulihan pasaran buruh pasca pandemik COVID-19 melalui pelaksanaan Program Subsidi Upah yang berjaya menyelamatkan lebih 2.96 juta pekerja dan lebih 358,000 majikan.

“Sehubungan itu, momentum kejayaan ini akan terus diperkukuh melalui kerjasama dengan KEIS terutama bagi memperkasa fungsi PES melalui portal pekerjaan negara, MYFutureJobs,” jelasnya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
29 Oktober 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatimah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my